



conference proceeding



# SIMPOSIUM NUSANTARA<sup>9</sup>

THE 9TH REGIONAL SYMPOSIUM OF THE MALAY ARCHIPELAGO  
*Revisit Islamic Civilization and Built Environment In The Malay World*

11 & 12 December 2012  
Al-Khawarizmi Lecture Hall  
UiTM(Perak)

Organized by:  
Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI)  
Centre for Islamic Thought & Understanding (CITU)  
Centre for Architecture, Planning & Surveying (FSPU)  
Faculty of Architecture, Planning & Surveying (Perak)  
Universiti Teknologi MARA (Perak)  
<http://perak.uitm.edu.my/simp09>



FSPU

PAPER CODE : HP404

# PENGHAYATAN *FIQH AL-AWLAWIYYĀT* YANG LESTARI MEMBINA KEHIDUPAN HARMONIS

**Kalsom binti Awang, Ahmad Fauzee bin Abdullah**

<sup>1,2</sup> Pusat Pemikiran Dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia  
kalso891@perak.uitm.edu.my

---

## Abstrak

Kebijaksanaan dalam membuat keputusan merupakan antara faktor kejayaan sesuatu urusan. Keputusan berlandaskan akal semata-mata belum mampu memberi kepuasan, sementelahan ia pula dikuasai oleh nafsu. Sudah menjadi *sunnatullah* bahawa kudrat manusia amat terbatas manakala kehendaknya tinggi menggunung. Fenomena ini jika tidak ditangani secara berhikmah akan membawa kepada kepincangan dan kemusnahan dalam kehidupan. Memandangkan kepada situasi ini maka keputusan atau pemilihan mengikut kaedah yang disarankan oleh Islam merupakan penyelesaian terbaik. Justeru kertaskerja ini akan membincangkan salah satu cabang ilmu dalam Syariat Islam iaitu *Fiqh al-Awlawiyyāt*. Penghayatan terhadapnya insyaAllah mampu mengatasi kemelut pengurusan yang tidak berkesudahan. Oleh itu kaitan *Fiqh al-Awlawiyyāt* dengan pengurusan perlu didedahkan bertujuan bagi melahirkan kehidupan yang aman harmoni dan pada masa yang sama dapat menghindari atau sekurang-kurangnya membendung gejala negatif.

**Kata kunci:** *Fiqh al-Awlawiyyāt*, lestari, kehidupan harmoni

---

## 1. Pendahuluan

Syariat Islam adalah lengkap dan menyeluruh diturunkan untuk menjaga kepentingan manusia, membawa kebaikan serta menolak kebinasaan dan kerosakan. Oleh itu konsep lestari yang dibawa oleh Islam juga luas menjangkau bidang yang mengatur hubungan manusia dengan Maha Pencipta dan juga hubungan manusia dengan sesama makhluk. Hubungan tersebut dijelmakan melalui aktiviti harian dan jarang sekali disedari oleh kebanyakan manusia. Untuk itu memahami syariat Islam dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya seperti *Fiqh al-Awlawiyyāt* adalah amat dituntut ke atas setiap umat Islam.

## 2. Pengertian *Fiqh al-Awlawiyyāt*

Perkataan *fiqh* merupakan istilah daripada bahasa Arab yang bermaksud *al-‘ilmu bisshay’ wal-fahmu lahu* iaitu mengetahui suatu perkara dan memahami keadaan perkara tersebut (Abdul Azib Husain, 2012)

Bagaimanapun pemakaian kalimah *fiqh* dalam al-Quran mempunyai maksud tersendiri iaitu mengetahui dan memahami sesuatu perkara secara halus dan mendalam. Perkara ini disebut secara jelas menerusi ayat 44 Surah Al-Isra’ bermaksud : “ Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya sentiasa mengucap tasbih kepada Allah. Dan tiada sesuatu pun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya, akan tetapi kamu tidak memahami ( secara halus dan mendalam) tasbih mereka”.

Dalam mengemukakan pandangannya mengenai istilah ini, Imam al-Ghazali menyatakan *fiqh* ialah mengetahui dan memahami hukum-hukum syarak yang berhubung dengan perbuatan-perbuatan manusia yang mukalaf, sama ada yang berhubung dengan amal ibadat, kira bicara atau kehakiman dan sebagainya. Hukum-hukum yang terdapat dalam al-Quran adalah bersifat umum. Jadi untuk mengkhusus dan mentafsirnya perlulah kepada pakar perundangan atau ahli *fiqh*. Oleh yang demikian hukum-hukum *fiqh* sentiasa berkembang dari satu masa ke satu masa asalkan hukum itu tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Sunnah (Haron Din, 1988)

Sementara itu Abu Hanifah Rahimahullah berpandangan bahawa *fiqh* bermaksud pengetahuan seseorang itu tentang apa yang boleh dilakukan dan apa yang perlu ditinggalkan. Menurutny lagi seseorang yang dikatakan berilmu ialah mereka yang beramal dengan ilmunya, tidak lalai terhadap dirinya, melakukan perkara yang bermanfaat untuk dirinya dan menjauhi perkara yang membawa kemudaratan sama ada di dunia dan akhirat. (Burhanuddin al-Zarnuji, t.t )

Secara umumnya *fiqh* bermaksud memahami sesuatu secara mendalam dan terperinci berserta dengan dalil-dalil atau data-data yang lengkap serta dapat mendorong seseorang itu untuk melakukan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya. Ia juga boleh dijadikan sebagai pengukur untuk menilai kebaikan seseorang. Sabda Rasulullah saw bermaksud :

”Siapa yang dikehendaki oleh Allah dengan kebaikan, maka akan diperdalamkan kefahamannya dalam agama dan diilhamkan kepadanya kebenaran”

( Riwayat al-Bukhari )

Manakala istilah *al-Awlawiyyāt* juga adalah daripada bahasa Arab yang bermaksud keutamaan. Gabungan daripada dua istilah inilah terbentuk perkataan *Fiqh al-Awlawiyyāt*. Menurut Prof Dr Yusuf al-Qaradhawi *Fiqh al-Awlawiyyāt* bermaksud meletakkan segala sesuatu pada tangga dan peringkatnya yang sebenar dengan pertimbangan keadilan sama ada yang berkaitan dengan perbuatan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak yang mulia. Dalam konteks ini perkara yang diletakkan dalam kategori paling penting mestilah didahulukan dan diutamakan, kemudian disusuli dengan perkara yang dikategorikan sebagai penting dan kemudian yang dikategorikan sebagai kurang penting (Yusuf al-Qaradhawi ,1996).

Seterusnya perkataan lestari membawa maksud sesuatu perkara yang sifatnya tidak berubah-ubah, kekal dan tetap (Kamus Dewan ,2004). Ini bermaksud asas-asas yang terkandung dalam *Fiqh al-Awlawiyyāt* adalah merupakan satu ketetapan yang kekal dan tidak boleh berubah.

### 3. Persepektif al-Quran dan hadis berhubung *Fiqh al-Awlawiyyāt*

Konsep *al-Awlawiyyāt* menurut persepektif al-Quran dan Sunnah adalah luas dan menyeluruh merangkumi seluruh aspek hidup, antaranya :

- *Al-Awlawiyyāt* dari segi nilai keimanan, sabda Rasulullah saw bermaksud :

”Barangsiapa di antara kamu yang melihat akan kemungkaran, maka hendaklah ia mengubahnya dengan tangannya. Jika sekiranya ia tidak berkuasa, maka hendaklah ia mengubahnya dengan lidahnya. Jika sekiranya ia tiada juga berkuasa, maka hendaklah ia mengubahnya dengan hati. Dan yang demikian itu(iaitu mengubah dengan hatinya) adalah selemah-lemah iman”

( Riwayat Muslim )

Maksud hadis di atas menggambarkan bahawa tingkat keimanan seseorang itu adalah berbeza. Tingkat yang paling utama dan tinggi adalah mengubah kemungkaran dengan tangan yakni melalui kuasa yang ada padanya, manakala pencegahan melalui lisan sama ada perkataan atau penulisan adalah di tahap sederhana dan seterusnya tahap iman paling rendah atau lemah ialah melalui hati yakni hatinya membenci kemungkaran tersebut.

- *Al-Awlawiyyāt* dari segi perbuatan, firman Allah SWT bermaksud:

”Apakah (orang yang memberi minuman kepada orang yang mengerjakan ibadah haji dan menguruskan Masjidilharam, kamu samakan dengan orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian serta berjihad di jalan Allah?. Mereka tidak sama di sisi Allah dan Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim”

( al-Taubah 9: 19 )

Ayat di atas jelas memaparkan perbezaan kedudukan manusia di sisi Allah SWT. Orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, berjuang di jalan-Nya serta menegakkan kedaulatan agama-Nya atas dasar keimanan kepada-Nya adalah lebih utama berbanding dengan mereka yang mengurus kebajikan jemaah haji dan mengurus Masjidilharam.

- *Al-Awlawiyyāt* dari segi pemikiran, merujuk kepada kefahaman terhadap sesuatu ilmu, firman Allah SWT bermaksud;

”Mengapakah tidak pergi daripada tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang yang memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka itu dapat menjaga dirinya”  
( al-Taubah 9: 122)


Maksud ayat di atas jelas menggambarkan bahawa mendalami sesuatu ilmu sehingga berjaya melahirkan tenaga pakar dalam bidang tersebut begitu diberi perhatian serius oleh Islam. Umpamanya kepakaran dalam ilmu tafsir, ilmu hadis, ilmu dakwah, perubatan, astronomi dan sebagainya. Oleh itu Islam lebih memartabatkan tokoh-tokoh pemikir dalam disiplin ilmu-ilmu tertentu berbanding dengan penghafaz dan pembaca. Oleh kerana itu tidak hairanlah jika tiga generasi Islam sebelum ini memberi keutamaan kepada mereka yang memiliki ilmu dan kefahaman berbanding dengan mereka yang sekadar menjadi para *huffaz*. (Yusuf Qaradhawi, 1996)

Al-Quran mengariskan prinsip dan menyebut hukum sesuatu secara umum contohnya perintah berlaku adil, melaksanakan perkara yang mendatangkan kebaikan (*maslahah*) dan menjauhi perkara-perkara yang mendatangkan kerosakan (*mafsadah*). Perkara-perkara *maslahah* dalam kehidupan manusia terbahagi tiga peringkat iaitu peringkat *al-Darūriyyāt*, Peringkat *al-Hājiyyāt* dan peringkat *al-tahsīniyyāt*. Kefahaman terhadap semua peringkat ini adalah penting, terutamanya bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam merancang dan menggubal dasar. Begitu juga dengan kefahaman terhadap tingkat *mafsadah* yang hendak dihindari. Oleh itu pengetahuan asas berhubung *fiqh keutamaan* atau *fiqh al-Awlawiyyāt* amat penting dalam membuat keputusan dan pemilihan.

Kefahaman terhadap *fiqh al-Awlawiyyāt* akan memandu manusia untuk :

- i. Mendahulukan perkara-perkara *maslahah* peringkat *al-Darūriyyāt* berbanding peringkat *al-Hājiyyāt* dan *al-tahsīniyyāt*.
  - ii. Membuat pemilihan terhadap perkara-perkara yang terdapat padanya *maslahah* dan *mafsadah*.
  - iii. Membuat pemilihan terhadap perkara *mafsadah* yang akan dicegah atau dihindari.
- i. Mengutamakan perkara-perkara *maslahah* peringkat *al-Darūriyyāt* berbanding peringkat *al-Hājiyyāt* dan *al-Tahsīniyyāt*.**

Setiap perkara yang diciptakan Allah mempunyai pelbagai *al-masālih* atau *maslahah*. Konsep *al-masālih* ini adalah luas mencakupi seluruh bidang dan aspek kehidupan. Ukuran *maslahah* sesuatu perkara adalah berlandaskan kepada dua cara iaitu berdasar syarak dan akal. Dalam Islam kemaslahatan yang diiktiraf oleh syarak adalah berbeza tarafnya dan diklasifikasikan kepada tiga peringkat seperti berikut :



Mengutamakan *maslahah al-Darūriyyāt* berbanding *al-Hājiyyāt* merupakan peringkat terpenting yang perlu diberi perhatian. Perkataan ”*al-Darūriyyāt*” ditakrifkan oleh Imam as-Syatibi dan diterjemahkan bermaksud ”perkara-perkara yang menjadi kemestian dalam melaksanakan *maslahat* agama dan dunia, yang mana apabila tiada ( maka) tidak akan berlaku *maslahat* dunia dengan betul, bahkan akan berlaku kerosakan dan kacau bilau

serta hilangnya kehidupan, dan di akhirat akan hilangnya keselamatan dan nikmat serta kembali dengan kerugian yang nyata” ( Abdul Azib Husain, 2012)

Merujuk kepada pengertian di atas dapat dirumuskan bahawa masalah *al-Darūriyyāt* merupakan perkara-perkara yang mutlak dan amat diperlukan dalam kehidupan manusia bagi menjana *hasanah* dunia dan *hasanah* akhirat. Jika salah satu daripadanya diabaikan maka proses penjanaan tersebut menghadapi masalah. Para sarjana Islam mengatakan bahawa matlamat akhir yang amat perlu (*al-darūriyyāt*) ialah lima perkara iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan dan menjaga harta. Lima perkara ini merupakan perkara yang amat diperlukan (*al-darūriyyāt*). (Asmadi Mohamad Naim, 2003 )

Sementara itu perkara-perkara di bawah peringkat *al-Darūriyyāt* ini pula diutamakan berdasarkan ketetapan syarak. Umpamanya menjaga dan memelihara agama adalah lebih utama berbanding keselamatan jiwa, begitu juga keselamatan jiwa berbanding keturunan, akal dan harta (Azizan Ramli,2010)

Menjaga dan memartabatkan Islam sebagai sebagai satu cara hidup adalah perkara paling utama dan sama sekali tidak boleh dikompromi dengan apa jua perkara. Apabila penjagaan agama ini dipisahkan daripada kehidupan maka manusia akan tidak aman harmoni. Contohnya *infaq* dan berperang di jalan Allah adalah tuntutan masalah peringkat *al-darūriyyāt* . Oleh itu berkorban bagi memartabatkan Islam merupakan peringkat tertinggi yang tiadaandingannya, Firman Allah SWT bermaksud:

”Dan mengapa kamu tidak menafkahkan (sebahagian hartamu) pada jalan Allah? Pada hal Allah jualah yang mewarisi langit dan bumi. Tidaklah sama di antara kamu orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sebelum kemenangan (*fathu* Mekah). Mereka lebih tinggi darjatnya daripada orang yang menafkahkan (hartanya) dan berperang sesudah itu. Allah menjanjikan kepada masing-masing (balasan) yang lebih baik. Dan Allah mengetahui apa yang kamu lakukan”

( al-Hadid 57: 10 )

Ayat di atas menggambarkan bahawa sebelum Rasulullah saw dan umat Islam menguasai Kota Mekah (*Yaum al-Fath*), keadaan umat Islam tertekan, tertindas dan dizalimi malahan mereka ini disingkir dan dipulau daripada masyarakat. Suasana kritikal ini menuntut semangat dan daya juang yang tinggi daripada umat Islam ketika itu sama ada dari segi material dan fizikal. Meskipun perjuangan mempertahankan Islam diuntut setiap zaman, namun kualiti perjuangan dan pengorbanan umat Islam ketika sebelum pembukaan Kota Mekah dengan selepasnya adalah tidak sama. Pengorbanan sebelum pembukaan Kota Mekah lebih tinggi dan mulia berbanding selepasnya. Ini kerana perjuangan dan pengorbanan tersebut adalah diperingkat *al-darūriyyāt* iaitu tanpanya nur Islam akan hilang dan lenyap dari muka bumi.

Begitu juga dengan isu-isu semasa yang berlaku di negara Islam masa kini yang berkait secara langsung dengan penghinaan, kezaliman dan penindasan terhadap umat Islam sama ada di Semenanjung Gaza, Selatan Thailand, Selatan Filipina, Afghanistan, Syria dan lain-lain. Semua ini menuntut semangat dan daya juang umat Islam seluruh dunia untuk berjuang dan berkorban sama ada dari segi fizikal dan material. Sokongan ini amat penting dan wajib diberi keutamaan berbanding perkara lain. Hilangnya Islam bermakna akan lenyaplah kehidupan aman harmoni. Perkataan Islam itu sendiri adalah daripada terbitan dari kata kerja *aslama* yang bermaksud kedamaian, keamanan dan kesejahteraan. (Mohd Asri et al. 2008). Oleh itu memberi sokongan dan bantuan kepada palestina untuk kebebasan rakyatnya sama ada dari segi kebendaan dan moral adalah masalah peringkat *al-darūriyyāt*. Sehubungan dengan ini Prof. Dr Yusuf al-Qaradhawi menyatakan alangkah baiknya jika umat Islam yang memperuntukkan wang yang begitu banyak bagi menunaikan ibadah haji sunah dan umrah di bulan Ramadan menyalurkan wang tersebut bagi membantu umat Islam yang tertindas di seluruh dunia (Yusuf al-Qaradhawi, 1996)

Begitu juga dengan ibadat asas, contohnya solat di manauntutannya ialah *al-masālih* peringkat *al-darūriyyāt*. Oleh itu solat lima waktu adalah lebih utama dilakukan berbanding melakukan solat tarawih dan solat sunat hariraya. Ibadah ini adalah wajib dan sesiapa yang mengingkari serta meninggalkannya dihukum sebagai kafir dan akan lenyaplah agama dalam dirinya. Sabda Rasulullah saw:

” Solat itu tiang agama, sesiapa yang mendirikan solat bermakna ia mendirikan agamanya, dan barangsiapa yang meninggalkannya bermakna ia telah membinasakan agamanya”

Hukum terhadap ibadah di atas adalah lestari yakni kekal wajib selama-lamanya dan mampu melahirkan masyarakat harmoni. Allah SWT telah memberikan jaminan terhadap impak daripada ibadah ini.

FirmanNya bermaksud:

” Dan dirikanlah solat, Sesungguhnya solat itu mencegah kekejian dan kemungkaran ”

( al-Ankabut:45 )

Dalam solat terkandung unsur utama iaitu ikhlas, takut dan zikir. Gabungan tiga unsur ini mendorong seseorang itu melakukan kebajikan dan mencegahnya dari berbuat kemungkaran ( Ibn kathir, 2007). Dengan ini apabila umat Islam meletakkan persoalan agama terutama yang wajib sebagai keutamaan, maka masalah kehidupan sama ada berkaitan jenayah, sosial, rasuah akan dapat dibendung dan diatasi. Hidup tanpa jenayah, rasuah dan lain-lain akan kehidupan masyarakat akan aman, damai dan harmoni.

Sehubungan dengan ini pihak yang berwajib sewajarnya memberi penekanan terhadap asas-asas agama seperti penjagaan ibadat solat, pembacaan dan kefahaman terhadap al-Quran dan lain-lain. Persepsi yang kurang tepat tentang *al-Awlawiyyāt* mengundang tindakan sebaliknya. Buktinya pembelajaran terhadap ilmu akademik begitu diberi perhatian oleh semua pihak berbanding pembelajaran al-Quran dan ibadat asas. Istilah kelas tambahan atau tution untuk mendalami ilmu al-Quran dan amalan ibadat asas tidak wujud dalam perbualan masyarakat Islam masakini. Di samping itu persepsi yang menyongsang ini menjadikan sebahagian ibubapa berkesanggupan dan berusaha sedaya upaya untuk membayar kos kelas tambahan berbanding yuran yang tidak seberapa kepada guru-guru al-Quran atau kem-kem khemah ibadat.

Dalam konteks alam sekitar, unsur-unsur utama bagi hidupan seperti udara, tanah, dan air adalah tuntutan *al-masālih* peringkat *al-darūriyyāt*. Tanpa udara bersih, kehidupan dan kesihatan hidupan terjejas, tanah yang tercemar akan menjejaskan produktiviti dan seterusnya menggugat sumber ekonomi, begitu juga air yang tercemar bukan sahaja merosakkan struktur molikul air, malahan akan menjejaskan kesihatan dan hidupan makhluk. Oleh itu sebarang usaha yang boleh menimbulkan masalah terhadap udara, air dan tanah perlu ditangani secara serius dan diberikan keutamaan berbanding perkara lain.

Selain itu keperluan utama segi permakanan juga perlu diberi perhatian, contohnya beras sebagai makanan asasi penduduk Malaysia. Ketiadaan sumber makanan ini boleh menimbulkan masalah kepada seluruh penduduk. Kerana itu sebarang usaha yang boleh menjejaskan sektor dan hasil pertanian padi mesti ditangani dengan serius. Pada masa kini terdapat penambakan sawah padi untuk pembinaan penempatan penduduk, projek-projek komersial dan sebagainya. Selain itu dari sudut lain, kekurangan petani muda dan juga masalah penyakit padi menjadikan ancaman kepada pengeluaran beras negara.

Manakala dalam bidang alam bina pula, elemen-elemen fizikal yang perlu diberi perhatian ialah masjid, perumahan, hospital, sekolah, jalan dan lain-lain . Dalam Islam perkara-perkara di atas adalah termasuk dalam kategori *al-Awlawiyyāt* peringkat *darūriyyāt*. Masyarakat akan harmoni apabila keperluan untuk perkembangan fizikal dan rohani di beri keutamaan. Ukhuwah dan perpaduan dapat dihayati dengan adanya pengimarahhan terhadap masjid, tahap kesihatan diperdulikan dengan adanya hospital, begitu juga dengan budaya ilmu akan cemerlang dengan bercambahnya pusat-pusat pengajian.

Seterusnya ialah mengutamakan masalah peringkat *al-Hājiyyāt* berbanding *al-Tahsīniyyāt*. *Al-Hājiyyāt* ialah perkara yang diperlukan untuk memudahkan urusan kehidupan manusia. Walau pun perkara yang tergolong dalam peringkat ini bukanlah perkara asas yang amat diperlukan, namun ketiadaannya boleh menjejaskan dan merumitkan kehidupan manusia. (Asmadi Mohamad Naim, 2003: 8).

Bagi memudahkan kefahaman berkaitan keperluan peringkat ini dibawakan contoh berikut, iaitu dalam konteks kehidupan di bandar, kewujudan dewan orang ramai adalah termasuk dalam kategori masalah peringkat *al-hājiyyāt*. Ketiadaannya akan menimbulkan masalah bagi penghuninya untuk mengadakan mesyuarat dalam jumlah yang ramai seperti mesyuarat koperasi, atau mengadakan majlis keramaian seperti majlis perkahwinan. Dengan ini gangguan kepada jiran dan pengguna jalan dapat dielakkan dengan ketiadaan khemah-khemah di majlis perkahwinan tersebut.

Masalah peringkat *al-Tahsīniyyāt* atau *al-Kamaliyyāt* juga diberi perhatian oleh ajaran Islam. Ia merupakan perkara pelengkap bagi menyempurna dan memperelokkan *darūriyyāt* dan *al-Hājiyyāt*. Imam as-Syatibi menyatakan *al-Tahsīniyyāt* dengan katanya bermaksud ” mengambil apa-apa yang sesuai dengan keelokkan dan menghindarkan diri daripada keadaan-keadaan yang kotor dan dibenci oleh oleh akal waras yang membawa kepada kemuliaan akhlak ” ( Abdul Azib Husain, 2012)

Ringkasnya perkara-perkara di bawah kategori *al-Tahsīniyyāt* adalah diharuskan dalam Islam, namun begitu ia akan bertukar menjadi haram jika dilakukan secara berlebihan atau keterlaluan. Contohnya majlis walimatul urus dilakukan melebihi batas kemampuan sehingga kehidupan selepas itu dibebani dengan hutang. Begitu juga dengan pembinaan rumah yang besar dan daripada produk berjenama telah menyebabkan rumah tersebut terbengkalai akibat kos tidak mengizinkan. Ringkasnya perkara *darūriyyāt* tersebut tidak sempurna akibat keterlaluan di

peringkat *tahsīniyyāt*. Perlu dijelaskan bahawa pelaksanaan peringkat *tahsīniyyāt* ini hanya dilakukan setelah dua peringkat di atas telah sempurna.

Selain daripada merujuk kepada tiga peringkat di atas, beberapa ketentuan lain juga perlu diikuti antaranya:

1. Mengutamakan kemaslahatan yang diyakini terjadi berbanding yang belum diyakini.
2. Mengutamakan kemaslahatan jamaah berbanding individu
3. Mengutamakan kemaslahatan orang ramai berbanding golongan tertentu
4. Mengutamakan kemaslahatan untuk manfaat masa depan atau jangka panjang.

#### ii. Membuat pemilihan terhadap perkara-perkara yang ada padanya *masalah* dan *mafsadah*

Apabila terdapatnya *al-masālih* (kemaslahatan) dan *al-mafāsīd* (kerusakan) atau Al-Madar (kemudaratan) di dalam suatu perkara, maka pertimbangan yang tepat perlu dilakukan dengan segera. Keputusan yang diambil adalah berdasarkan kepada kadar atau kesan yang lebih besar. Apabila kadar *mafsadah* (kerusakan) lebih tinggi berbanding dengan kadar *al-masālih* (kemaslahatan), maka keutamaannya ialah tidak melakukannya, meskipun terdapat sedikit kebaikan di dalamnya. Pendekatan ini diambil berasaskan prinsip yang dinyatakan oleh Allah SWT berhubung masalah minuman arak dan amalan judi. Firman Allah SWT bermaksud:

”Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi. Katakanlah; ’Pada keduanya itu terdapat dosa besar berbanding manfaat bagi manusia, tetapi dosa keduanya lebih besar berbanding manfaatnya’  
( al-Baqarah 2: 219 )

Ibn Kathir mentafsirkan dosa itu bersangkutan persoalan agama, manakala manfaat itu berhubung dengan persoalan duniawi yakni jika diminum dalam kuantiti yang sedikit dapat membantu pencernaan makanan, mengeluarkan sisa makanan, juga terkadang mempertajam sebahagian pemikiran ( Ibn Kathir, 2007)

Demikian jugalah sebaliknya, jika kadar kemaslahatannya lebih besar dan lebih banyak berbanding dengan kadar kemudaratan atau kerosakannya, maka menurut syariat Islam perkara tersebut harus dilakukan. Kaedah yang diguna pakai dalam masalah ini ialah ” Melakukan *mafsadah* (kerusakan) kecil diharuskan demi untuk mendapatkan kemaslahatan (kebaikan) yang lebih besar”. Dalam konteks pengurusan alam sekitar, melakukan *mafsadah* yang kecil bertujuan mendapatkan *masalah* yang lebih besar merupakan satu langkah yang bijak dan wajar dilihat sebagai satu keutamaan. Kadangkala untuk melakukan suatu projek pembangunan demi untuk kesejahteraan rakyat, pihak bertanggungjawab terpaksa berhadapan dengan situasi tertentu yang sukar untuk dipertimbangkan.

Apabila berhadapan dengan situasi sebegini maka melakukan *mafsadah* (kerusakan) yang kecil adalah diutamakan bagi mendapatkan *masalah* (kebaikan) yang lebih besar. Sebagai contoh, projek pembinaan hospital, sekolah atau jalan raya di sesuatu kawasan sudah pasti melibatkan penebangan pokok-pokok yang menjadi sumber rezeki golongan tertentu dan kadang-kadang melibatkan kediaman. Oleh itu dalam situasi ini, maka pengambilan tanah dan merobohkan kediaman tersebut adalah diharuskan bagi memberi laluan kepada projek pembinaan hospital, sekolah dan jalan raya tersebut. Walau bagaimanapun sebagai gantinya pihak berwajib perlu menggantikan tanah lain yang setaraf dengan tanah yang diambil atau membayar ganti rugi sebanyak yang di persetujui kepada mereka yang terlibat.

#### iii. Membuat pemilihan terhadap *mafsadah* yang akan dicegah atau dihindari

Peringkat-peringkat *Al-Mafāsīd* atau *Al-Madar* (kebinasaan, kerusakan atau kemudaratan) tidak semuanya sama. Kerosakan terhadap perkara-perkara di peringkat *darūriyyāt* adalah tidak sama dengan kerosakan di peringkat *hājiyyāt*, sebagai contoh kerosakan atau bencana yang melibatkan kehilangan jiwa adalah berbeza dengan kehilangan harta. Manakala kerosakan di peringkat *hājiyyāt* pula tidak sama dengan kerosakan di peringkat *tahsīniyyāt*.

Memandangkan wujudnya perbezaan di peringkat *mafsadah* ini, maka langkah pencegahan terhadapnya juga tidak sama. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa pencegahan kerosakan terhadap perkara-perkara di peringkat *darūriyyāt* adalah lebih diutamakan berbanding peringkat *hājiyyāt* dan *tahsīniyyāt*. Oleh yang demikian, jika berlaku kebakaran pada sebuah rumah dan pada masa yang sama terdapat mangsa yang terperangkap, maka

keutamaannya ialah menyelamatkan mangsa yang terperangkap kemudian diikuti dengan memindahkan kenderaan dan seterusnya barulah menyelamatkan harta dan barangan lain yang berharga.

Kaedah hukum yang digunapakai di sini ialah : ” Untuk menghalangi kemudharatan yang lebih besar, maka diharuskan melakukan kerosakan yang lebih kecil”. (Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqh al-Awlawiyyāt*, Kadang kala tindakan yang diambil itu bakal mengundang padah yang tidak dijangka. Sehubungan dengan ini maka memilih perkara yang tahap mudaratnya lebih kecil adalah lebih utama bagi menghalang berlakunya mudarat yang lebih besar. Kaedah hukum yang diguna di sini ialah:” Untuk menghalangi kerosakan yang lebih 1998: 29). Contohnya, sebuah empangan air terpaksa dikurangkan jumlah kapasiti airnya berikutan terdapat petanda ia akan pecah pada bila-bila masa sahaja. Oleh itu dalam suasana genting seperti ini, pemilihan tentang kawasan mana lebihan air empangan itu hendak disalurkan mestilah tepat. Mengikut kaedah *Fiqh al-Awlawiyyāt* bahaya yang lebih besar lebih utama dihindari. Jadi berhubung dengan masalah ini, maka menyalur air ke kawasan pertanian lebih diutamakan berbanding ke kawasan penempatan manusia dan kawasan ladang ternakan. Ini bertujuan bagi mengelak kerosakan lebih besar iaitu kehilangan nyawa manusia dan kematian ternakan. Ringkasnya kerosakan tanaman adalah lebih kecil nilainya berbanding kehilangan nyawa manusia dan kematian ternakan.

Seterusnya dalam sesuatu situasi, jika berlaku pertembungan antara kemudaratan terhadap individu berbanding kemudaratan terhadap orang ramai, maka pertimbangan yang perlu dibuat ialah dibolehkan melakukan kemudaratan terhadap individu bagi mengelak berlakunya *mafsadah* atau kemudaratan terhadap orang ramai. Kaedah hukum yang diguna di sini ialah : ” Untuk menghalangi kemudaratan yang akan menimpa orang ramai, maka dibolehkan melakukan kemudaratan terhadap individu” (Yusuf al-Qaradhawi, 1998) Contohnya, menutup atau menyita kilang yang beroperasi secara haram yang menyebabkan pencemaran air, udara dan tanah serta menimbul masalah kepada orang ramai.

Ketetapan *Al-awlawiyyāt* bukan hanya terbatas kepada perkara-perkara *Al-Mafāsīd* sahaja tetapi juga merangkumi kaedah dan cara pencegahan. Rasulullah saw bersabda bermaksud:

” Barangsiapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah ia meng ubahnya dengan tangannya. Jika sekiranya ia tidak berkuasa , maka hendaklah ia mengubahnya dengan lisannya. Jika ia tidak juga berkuasa maka hendaklah ia mengubahnya dengan hatinya. Yang demikian itu (mengubah dengan hati) adalah selemah-lemah iman”

( Riwayat Muslim )

Hadis di atas menunjukkan bahawa perbuatan mencegah kemungkaran itu berkait rapat dengan iman. Darjat keimanan tertinggi ialah mencegah kemungkaran dengan tangan atau melalui tindakan, manakala iman yang paling lemah ialah mengingkari dengan hati yakni tidak menyukainya( Mustafa Abdul Rahman, 1992). Dengan ini dapat dirumuskan bahawa pencegahan melalui tindakan adalah lebih utama berbanding dengan lisan dan hati.

#### 4. Bidang-bidang *al-Awlawiyyāt* (keutamaan)

Terdapat banyak bidang *al-Awlawiyyāt* (keutamaan) yang disyariatkan oleh Islam. Antaranya ialah :

##### 4.1 Keutamaan Kualiti Berbanding Kuantiti

Antara bidang *al-Awlawiyyāt* yang sewajarnya diberikan tumpuan ialah mengutamakan kualiti berbanding kuantiti. Jumlah yang banyak bukan menjadi ukuran sesuatu itu baik dan bermutu. Tidak dinafikan bahawa sesuatu yang diterima sebagai terbaik ialah kuantiti yang berkualiti, namun begitu apabila terdapat kekangan bagi mendapatkannya maka nilai *al-awlawiyyāt* ialah pada kualitinya berbanding kuantiti.

Dalam pengurusan Islam, aspek kualiti amat ditekankan dan sasaran utama dan terpenting ialah diri insan itu sendiri. Untuk itu pembangunan modal insan perlu diberi keutamaan iaitu dengan membangun sumber manusia yang terdiri daripada rohani, jasmani dan akli ( Rasid Muhamad, 2008). Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang secara khusus menceritakan tentang kejayaan tentera Islam meskipun jumlah mereka sedikit . Al-Quran mengisahkan bagaimana tentera Thalut yang jumlahnya sedikit berjaya mengalahkan tentera Jalut yang jumlahnya lebih ramai lantaran kerana mereka adalah tentera yang berkualiti yakni tinggi sifat ketakwaan mereka.

Firman Allah SWT bermaksud:



”Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang ramai dengan izin Allah. Dan Allah beserta dengan orang yang sabar”

( al-Baqarah 2: 249 )

Demikian juga dengan kejayaan tentera Islam dalam peperangan Badar, meskipun jumlah mereka sedikit berbanding dengan tentera musyrikin, namun kerana kualiti mereka hebat maka dengan izin Allah SWT kejayaan memihak kepada mereka. Allah telah merakamkan peristiwa tersebut dalam al-Quran seperti firman-Nya bermaksud:

”Sesungguhnya Allah telah menolong kamu dalam peperangan Badar, walhal kamu ketika itu adalah golongan yang lemah (sedikit). Kerana itu bertakwalah kepada Allah supaya kamu mensyukurinya”

( Ali 'Imran 3 : 123 )

Ayat di atas jelas menunjukkan kemuliaan yang diberikan oleh Allah SWT terhadap kaum muslimin dan penghinaan terhadap golongan kafir. Dalam peperangan ini jumlah pasukan muslimin seramai 313 orang dengan dilengkapi hanya 2 ekor kuda dan 70 ekor unta. Selain itu dari segi persediaan peralatan perang juga tidak lengkap. Manakala pihak musuh pula berjumlah sekitar 900-1000 orang, lengkap dengan baju besi, topi baja, peralatan perang, pasukan kuda pilihan serta berbagai perhiasan (Ibn Kathir, 2007) Walau bagaimanapun dengan izin Allah SWT, kemenangan berpihak kepada tentera yang sedikit. Ini membuktikan bahawa jumlah yang sedikit tetapi berkualiti mampu mengalahkan jumlah yang ramai tetapi tidak berkualiti.

Saidina Umar ibn al-Khattab dalam mencetuskan angan-angannya kepada beberapa orang sahabat menyatakan: Saya berangan-angan ingin memiliki orang-orang yang banyak (berkualiti) seperti Abu Ubaidah Ibn al-Jarrah, Muadz Ibn Jabal, Salim Mawla Abu Huzaifah Ibn Yaman, kemudian saya gunakan mereka untuk berjuang di jalan Allah” (Yusuf al-Qaradhawi, 1998)

#### 4.2 Keutamaan Ijtihad Berbanding Taklid

Ijtihad bermaksud kajian dan penyelidikan yang dilakukan oleh para ulama (mujtahid) bagi menentukan kedudukan sesuatu perkara dari segi syarak (Abdullah Akhili Abdul Latif et al. 2000). Ijtihad menurut istilah ulama usul fiqh bermaksud ” usaha ulama *fiqh* dengan bersungguh-sungguh berpandukan dalil-dalil hukum untuk menghasilkan hukum yarak yang *dzonni*”. Manakala *taklid* pula ialah mengikut-ikut dan mengulang-ulangi perkara yang sedia ada. Abu Ishak as-Syirazi mentakrifkan *taklid* melalui pandangannya bermaksud : ”Menerima perkataan orang lain tanpa mengetahui dalilnya”. ( Abdul Azib Husain, 2012)

Kemahiran berfikir merupakan perkara penting yang sewajarnya disuburkan dalam diri umat Islam terutama di kalangan remaja agar mereka berpandangan luas dan jauh ke hadapan. Namun begitu kemahiran berfikir ini hendaklah digabungkan dengan kekuatan berzikir. Gandingan keduanya ini berjaya melahirkan ulama (mujtahid) seperti Ibn Sina, Ibn Khaldun, Imam al-Ghazali, Imam as-Syafie dan lain-lain.

Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah melarang dan membantah orang yang bertaklid dengan menyatakan bahawa *taklid* tidak termasuk dalam kategori ilmu. (Yusuf al-Qaradhawi, 1998 ). Beliau mengukuhkan hujahnya dengan mengemukakan firman Allah SWT :

”Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati semuanya akan diminta pertanggungjawaban”

( al-Isra' 17 : 36 )

#### 4.3 Keutamaan Fardu 'Ain Berbanding Fardu Kifayah

Fardu 'ain merupakan amalan yang diwajibkan ke atas setiap muslim yang tidak boleh diganti dengan orang lain. Fardu 'ain melibatkan semua kewajipan yang berkaitan dengan sistem pengurusan diri baik dalam hubungannya dengan Allah SWT atau sesama manusia. Umpamanya jika seseorang itu terlibat dengan urusan perniagaan, maka menjadi tanggungjawabnya mengendali perniagaan tersebut mengikut syariat Allah SWT, begitu juga dengan pakar perubatan dan sebagainya. Seorang doktor wajib mengutamakan masalah kritikal pesakitnya berbanding kerja-kerja amal dalam masyarakat. Begitu juga dengan seseorang yang mempunyai ibu bapa yang

sudah tua, maka kewajiban yang terbebani di atas bahunya ialah menjaga ibu bapa tersebut berbanding dengan amalan *jihad fi sabilillah*, namun dalam keadaan kritikal dan kerahan berjihad dikeluarkan oleh pemerintah maka ketika itu *jihad fi sabilillah* lebih utama berbanding menjaga ibu bapa. Sistem ini apabila diurus dengan sempurna, maka kehidupan seseorang akan mendapat keberkatan baik di dunia atau akhirat. Justeru amalan ini mesti didahulukan berbanding dengan amalan fardu kifayah.

Oleh itu kefahaman yang tepat berkaitan fardu 'ain dan fardu kifayah adalah penting. Tanpa kefahaman ini amalan seseorang itu tidak fokus dan hala tuju kehidupan tidak jelas. Akhirnya matlamat hidup akan gagal dan kehidupannya akan menjadi bebanan kepada orang lain.

#### 4.4 Keutamaan Ilmu Dan Pendidikan Berbanding Aspek Lain.

Islam meletakkan ilmu di tempat yang paling istimewa sesuai dengan konsep manusia sebagai khalifah Allah SWT. Sehubungan dengan ini Imam Syafiee r.a pernah mengatakan bahawa barangsiapa yang inginkan dunia hendaklah ia berilmu, barangsiapa yang inginkan akhirat hendaklah ia berilmu dan barangsiapa yang menginginkan kedua-duanya maka hendaklah ia berilmu.

Begitulah kepentingan ilmu dalam menjana kecemerlangan umat Islam di dunia dan akhirat. Namun begitu kecemerlangan sebegini agak sukar dicapai dalam konteks umat Islam masa kini. Kedangkalan mereka dalam memahami *fiqh al-awlawiyyāt* menyebabkan masyarakat Islam hari ini lebih memberikan fokus kepada aspek hiburan dan sukan berbanding aspek pendidikan dan pertumbuhan pemikiran, buktinya ganjaran dan sokongan yang begitu hebat dan padu diberikan kepada dunia hiburan. Tidak cukup dengan itu pelbagai pertandingan dan anugerah diberikan sebagai tanda pengiktirafan terhadap mereka yang terlibat dengan industri hiburan dan sukan. Sedang sebaliknya pengiktirafan terhadap para ilmuwan, intelektual dan ulama tidak begitu diketengahkan berbanding dengan golongan seniman ini. (Milenia, Mei. 2009)

### 5. Cabaran Pelaksanaan *al-Awlawiyyāt*

Tahap kefahaman yang rendah berhubung *fiqh al-Awlawiyyāt* merupakan cabaran besar ke arah penghayatan terhadapnya. Hanya segelintir pelajar sahaja yang didedahkan dengan ilmu ini dan lazimnya di tekankan kepada pelajar aliran agama sahaja. Selain itu bagi mereka yang berminat maka pembacaan dan kajian berkaitan dengannya dilakukan atas inisiatif sendiri.

Penjajahan pemikiran juga merupakan antara cabaran terhadap kefahaman dan penghayatan *fiqh al-Awlawiyyāt*. Pandangan negatif atau serong yang ditanam oleh musuh Islam melalui sistem pendidikan mereka menjadikan pelajar berfikir negatif terhadap warisan ilmu Islam hatta di kalangan pelajar Islam sendiri. Dr Yusuf Qaradhawi pernah memberikan pandangannya dalam bentuk analogi iaitu bagaimana mengharapkan bayang sesuatu itu lurus sedangkan pancangnya bengkok. Barangsiapa yang memiliki persepsi buruk terhadap sesuatu, maka akan demikianlah pula sikapnya terhadap sesuatu itu (Yusuf al-Qaradhawi, 1996)

Seterusnya fahaman *bertaqlid* di kalangan rakyat Malaysia yang masih menebal sehingga menjalar kepada golongan intelek dan ulama. Di kalangan ulama terdapat di antara mereka lebih gemar memilih jalan berjihad terhadap perkara-perkara yang telah diijtihadkan oleh ulama terdahulu. Mereka hanya memilih satu pandangan daripada beberapa pandangan dan mengadaptasi kepada masalah tempatan lalu berfatwa dengan keputusan tersebut. (wan Asmaa' Wan Abu Bakar, et al. 2010). Manakala di kalangan intelek pula menghadapi cabaran yang sama iaitu terdapat di antara mereka mengadaptasi pandangan dan pendekatan yang sama dengan sedikit pengubahsuaian. Sedangkan Rasulullah saw telah memberikan lampu hijau kepada ulama dan intelek agar setiap perkara yang diperintahkan berkaitan urusan agama hendaklah dilaksanakan. Sebaliknya jika yang diperintah itu datang daripada pendapatnya sendiri (bukan wahyu) maka ia boleh diterima jika mendatangkan kebaikan dan boleh ditolak jika mendatangkan keburukan khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan hidup (Subhi Mahmasani, 1987)

### KESIMPULAN

Pengajaran tentang *Fiqh al-Awlawiyyāt* perlu ditanam dan disuburkan dalam setiap jiwa generasi muslim. Dengan ini mereka akan mengetahui peringkat keutamaan yang perlu dilakukan atau ditinggalkan. Kegagalan mengetahui kaedah tersebut akan melambatkan atau menggagalkan umat Islam untuk menggapai matlamat yang

dicita-citakan. Umat Islam perlu bijak dalam merancang dan bertindak selaras dengan tuntutan *Fiqh al-Awlawiyyāt* dan panduan yang ditinggalkan oleh Rasulullah saw.

Apa yang penting ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Perkara yang penting dan utama tidak sewajarnya diremehkan, manakala yang remeh dan tidak penting tidak perlu diperbesar dan diutamakan. Apabila perkara ini tidak diberi perhatian maka pengurusan akan pincang dan kehidupan masyarakat tidak harmoni. Oleh itu sudah tiba masanya bagi umat Islam untuk kembali dan memartabatkan warisan ilmu Islam khususnya *Fiqh al-Awlawiyyāt* dalam semua bidang pengurusan. Dengan ini matlamat untuk melahirkan masyarakat harmoni akan menjadi kenyataan.

## RUJUKAN

*Al-Quran dan* Terjemahan (1977) Kuala Lumpur : Pustaka Antara

Abdul Azib Husain, (2012) *Manhaj Ilmu Fiqah dan Usul Fikah*, Kuala Lumpur : Telaga Biru Sdn Bhd.

Asmadi Mohamed Naim (2003) *Maqasid Syariah dan Pemikiran Pengurusan Islam*, Sintok : Universiti Utara Malaysia.

Burhanuddin Az-Zarnuji. t.t, *Ta'lim al-Muta'alim Tariq al-Ta'lim*. Qahirah: Maktabah al-Quran.

Haron Din (1988) *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan.

Kamus Dewan ,2004:932

Subhi Mahmasani (1987) **Penyesuaian Fiqh Islam Dengan Keperluan Masyarakat Moden** dalam Wan Asmaa wan Abu Bakar, 2010. **Beberapa Perspektif Dalam Pemikiran Islam**, UiTM : UPENA

Mohd Asri Abdullah et al ( 2006) Prinsip-Prinsip Asas Islam Syariah, Ibadat dan Akhlak, Shah Alam : UPENA

Mustafa Abdul Rahman ( 2005) *Hadith 40: Terjemahan dan Syarahannya*. Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar.

Mukhtar Yahya ( 1986) *Dasar-Dasar Pembinaan Hukum Fiqh Islami*

Rasid Muhamad ( 2008) **Pengurusan Islam Teori dan Praktis**, UiTM : UPENA)

Sidek Baba (2009) **Fikir dan Zikir**, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Sidek Baba ( 2009) *Hakikat Rukun*. Shah Alam : Dasar Cetak.

Syahminan Zaini (1986) *Isi Pokok Ajaran Al-Quran*. Jakarta: Penerbit Kalam Muda.

Syeikh Ali Hasan Ahmad, penyunting (Mohd Sofwan Amrullah) (1997) *Ke arah Memahami Kaedah Asas Hukum Fikah*, Batu Caves: Pustaka Ilmi.

W. Abdullah bin Hj W. Mahmood (1997) *Tamadun Islam dan Tamadun Melayu Serta Sumbangannya Kepada Dunia*. Selangor : Global Printers. Sdn. Bhd

Yusuf al-Qaradhawi (1996) *Fiqh Keutamaan : Satu Kajian Baru Dari Perspektif al-Quran dan al-Sunnah*, Batu Caves : Thinkers's Library Sdn Bhd.1996 (penterjemah Ahmad Nuryadi Asmawi )

Wan Asmaa wan Abu Bakar et al. ( 2010) **Beberapa Perspektif Dalam Pemikiran Islam**, UiTM : UPENA